A

Joliana bt Othman lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — RAYUAN JENAYAH NO DA-41S-6–05 TAHUN 2019
MOHAMAD ABAZAFREE PK
1 DISEMBER 2021

C

Undang-Undang Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah atas kesalahan menipu di bawah s 417 Kanun Keseksaan ('KK') dan dijatuhkan hukuman dua tahun penjara — Sama ada pertuduhan ke atas perayu adalah cacat — Sama ada terdapat kelewaan dalam siasatan sehingga menyebabkan kelompongan material kes pendakwaan — Sama ada hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu terlalu berat — Kanun Keseksaan ss 415 & 417 — Kanun Tatacara Jenayah ss 173A & 294

D

Perayu telah disabitkan bersalah oleh mahkamah majistret atas kesalahan menipu di bawah s 417 Kanun Keseksaan ('KK') dan dijatuhkan hukuman penjara selama dua tahun. Kes pendakwaan adalah bahawa perayu telah memperdayakan pengadu ('SP1') untuk mempercayai bahawa perayu akan menguruskan pertukaran nama hakmilik pembelian sebuah kereta ('kereta tersebut') tetapi perayu tidak melaksanakannya. Pembelaan perayu adalah bahawa perayu hanya bertindak sebagai orang tengah kepada SP3 yang merupakan wakil syarikat Tajfea Galaxy Auto Sdn Bhd ('Tajfea') yang telah menjual kereta tersebut kepada perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan majistret, perayu telah memfailkan rayuan semasa. Isu pertama yang dibangkitkan adalah sama ada pertuduhan ke atas perayu adalah cacat. Berkaitan dengan isu ini, perayu berhujah bahawa: (a) pertuduhan tersebut tidak menyatakan dengan jelas intipati kesalahan dan ini mengelirukan perayu; dan (b) di bawah s 417 KK tidak dinyatakan definisi menipu serta elemen-elemen yang perlu dipenuhi dan ianya tertakluk kepada s 415 KK yang menafsirkan kesalahan tipu termasuk intipati 'niat' tetapi sebaliknya di dalam pertuduhan menyatakan 'didapati menipu'. Isu kedua yang dibangkitkan adalah sama ada terdapat kelewaan di dalam siasatan oleh pegawai penyiasat sehingga menyebabkan kelompongan material kes pendakwaan. Berkenaan isu ini, kelompangan material yang dimaksudkan adalah: (i) mengenai iklan pada laman web mudah.my yang menjadi permulaan ke atas pertuduhan ini; (ii) kewujudan Cikgu Zack; (iii) pemilik nombor telefon pada iklan mudah.my; (iv) perbezaan barang kes iaitu P1 dan P6 yang diiklankan; (v) sama ada perayu ada membuat urusan sambung bayar bagi kereta tersebut; (vi) sama ada RM40,000 telah benar-benar diserahkan kepada perayu; dan (vii) pengesahan ke atas kenyataan SP1 dan SP3. Isu terakhir untuk penentuan mahkamah adalah sama ada hukuman ke atas perayu adalah terlalu berat.

E

F

G

H

I

Diputuskan, menolak rayuan perayu ke atas sabitan dan membenarkan rayuan perayu ke atas hukuman dan menggantikan hukuman oleh majistret dengan hukuman denda sebanyak RM20,000 jika tidak bayar tiga bulan penjara:

(1) Hujahan perayu yang menyatakan bahawa pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah di bawah s 417 KK yang tidak menyatakan tafsiran adalah tersasar. Ini kerana s 417 KK adalah merupakan peruntukan penal yang mewujudkan peruntukan kesalahan serta hukuman bagi jenayah tipu yang am. Di dalam kes ini, perayu dipertuduhkan dengan satu kesalahan menipu dan kesalahan ini telah ditafsirkan di bawah s 415 KK. Elemen 'niat' atau mens rea telah terangkum di dalam tafsiran jenayah tersebut. Oleh itu, bagi kesalahan menipu yang telah sedia terwujud di bawah s 415 KK, maka adalah memadai bagi pendakwaan hanya untuk menyatakan nama spesifik kesalahan tersebut tanpa perlu diulangi lagi elemen di dalam kesalahan tersebut, dan bagi kes ini elemen 'niat'. Selain itu, majistret adalah tidak tersalah arah di dalam pertimbangannya apabila menyatakan bahawa 'perayu telah dengan niat'. Ini kerana ia memang merupakan satu elemen yang perlu dibuktian di dalam kes ini sepertimana yang ditafsirkan di dalam s 415 KK (lihat perenggan 18–19 & 21–25).

(2) Pertuduhan yang dirangka ke atas perayu tidak mempunyai apa-apa kecacatan. Ia telah menyatakan dengan jelas kesalahan yang dipertuduhkan adalah kesalahan tipu dan di dalam pertuduhan juga telah dinyatakan dengan jelas perbuatan atau actus reus yang didakwa dilakukan oleh perayu yang terangkum di dalam kesalahan menipu tersebut. Perayu juga tidak mengalami apa-apa salah arah atau diprejudiskan. Oleh itu, mahkamah tidak nampak apa-apa isu bermerit yang menampakkan apa-apa kecacatan ke atas pertuduhan yang mewarankan mahkamah di peringkat ini untuk mengenepikan pertuduhan ke atas perayu. Mahkamah menegaskan bahawa pertuduhan ke atas perayu telah dirangka bersesuaian dengan peruntukan perundangan (lihat perenggan 22, 26 & 29).

(3) Siasatan ke atas laman web mudah.my adalah tidak lagi menjadi relevan apabila perayu dibuktikan secara jelas hadir secara kendiri berjumpa dengan SP1 melalui keterangan SP1 serta ibunya SP2 dan SP5. Berkenaan dengan saksi pendakwaan, tuan majistret telah mendapati bahawa keterangan mereka adalah kredibel, konsisten dan menyokong antara satu sama lain. Selain itu, tiada hujahan yang dikemukakan oleh perayu yang mewajarkan mahkamah untuk mengganggu dapatan ini. Isu berkenaan rekod wang sebanyak RM40,000 yang telah dibayar oleh SP1 kepada perayu tidak boleh disanggah hanya kerana peguam perayu menghujahkan bahawa siasatan tidak dilakukan ke atas kesahihan dakwaan SP1. Keterangan SP1 adalah diterima dan SP1 juga melalui

proses ujian kredibiliti semasa disoal balas dan kredibilitinya tidak terjejas. Malahan perayu semasa keterangan pembelaannya mengakui menerima wang daripada SP1 (lihat perenggan 36–38).

(4) Berkaitan kewujudan penama Zack, ianya tidak lagi relevan apabila keterangan SP1 dan SP3 dinilai secara sepenuhnya. Perbincangan secara langsung perayu dengan SP1 serta kereta tersebut telah dibeli secara sambung bayar oleh perayu melalui keterangan SP3 adalah memadai bagi membuktikan elemen pertuduhan ke atas perayu terutamanya berkaitan niat perayu untuk menipu SP1. Kewujudan pihak ketiga tidak mampu untuk menimbulkan keraguan ke atas kes ini. Selain itu, aduan perayu berkenaan fakta bahawa perayu ada membuat urusan sambung bayar kereta dengan syarikat kereta terpakai Tajfea adalah tidak tepat kerana keterangan telah dibuktikan bahawa kereta tersebut dibeli oleh perayu secara sambung bayar di bank dan kereta tersebut masih lagi mempunyai hutang di bank. SP3 serta tuan punya syarikat Tajfea telah dikemukakan sebagai saksi-saksi pendakwaan dan mereka tertakluk kepada pemeriksaan secara ketat. Mahkamah tidak mendapati apa-apa isu yang menjejaskan keterangan mereka yang mewajarkan mahkamah ini menilai semula serta membuat rumusan yang berlainan dari apa yang telah dilaksanakan oleh tuan majistret (lihat perenggan 39–41).

(5) Tuan majistret telah menimbangkan faktor-faktor yang relevan dan memihak kepada perayu sebelum merumuskan bahawa faktor kepentingan awam mengatasi faktor yang memihak kepada perayu. Mahkamah tidak bersetuju bahawa hukuman ini wajar digantikan dengan perintah-perintah sama ada di bawah s 173A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') atau pun s 294 KTJ. Walau bagaimanapun mahkamah mendapati bahawa di bawah s 417 KK, hukuman yang diperuntukkan adalah hukuman di dalam bentuk alternatif iaitu hukuman penjara atau denda tetapi tuan majistret telah tidak memberikan pertimbangan kepada alternatif tersebut sebelum menjatuhkan hukuman pemenjaraan (lihat perenggan 51, 53–54 & 56).

(6) Perayu wajar diberi pertimbangan ke atas hukuman denda di atas faktor-faktor berikut: (a) kesalahan yang dipertuduhkan ke atas perayu bukanlah kesalahan yang serius; (b) perayu bukan 'habitual offender'; (c) salah satu kesan sabitan adalah ke atas pekerjaan perayu dan ini juga telah memberi kesan deteran yang besar kepada perayu; (d) perayu dan suaminya adalah penjawat awam yang mempunyai empat cahaya mata dan cahaya mata bongsu perayu berusia empat tahun; dan (e) subjek kepada pertuduhan ini iaitu kereta tersebut masih berada di dalam jagaan SP1 dan kerugian yang dialami adalah minima. Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan di atas, mahkamah mendapati bahawa perayu wajar diberi peluang untuk memulakan kehidupan yang baru tanpa memerlukan perayu menjalani hukuman pemenjaraan.

A Mahkamah percaya hukuman denda boleh memberi kesan yang sama dari aspek deteran sama ada kepada perayu mahupun kepada masyarakat (lihat perenggan 58–59).

[English summary

B The appellant was convicted by the magistrates' court for the offence of cheating under s 417 of the Penal Code ('the PC') and sentenced to two years imprisonment. The prosecution's case was that the appellant had deceived the complainant ('SP1') into believing that the appellant would arrange for the change of title to the purchase of a car ('the car') but the appellant did not C execute it. The appellant's defence was that the appellant only acted as a middleman to SP3 who was a representative of a company known as Tajfea Galaxy Auto Sdn Bhd ('Tajfea') which had sold the car to the appellant. Dissatisfied with the magistrate's decision, the appellant had filed the present appeal. The first issue raised was whether the charge against the appellant was D flawed. In relation to this issue, the appellant argued that: (a) the charge did not clearly state the essence of the offence and this had misled the appellant; and (b) under s 417 of the PC there was no definition of cheating and the elements that needed to be met and it was subject to s 415 of the PC which interpreted E the offence of cheating including the essence of 'intent' but instead in the charge stated 'didapati menipu'. The second issue raised was whether there was a levity in the investigation by the investigating officer resulting in a material gap in the prosecution case. With regard to this issue, the material gaps referred to were: (i) regarding the advertisement on the mudah.my website which was F the beginning of this charge; (ii) the existence of Cikgu Zack; (iii) the owner of the telephone number on the mudah.my advertisement; (iv) the difference between the case items namely P1 and P6 which were advertised; (v) whether the appellant had made a payment in relation to the car; (vi) whether RM40,000 had actually been handed over to the appellant; and G (vii) confirmation of statements of SP1 and SP3. The final issue for the court's determination was whether the sentence ordered against the appellant was excessive.

Held, dismissing the appellant's appeal against conviction, and allowing the H appellant's appeal against sentence and substituting the sentence ordered by the magistrate with fine of RM20,000 in default three months imprisonment:

(1) The appellant's argument stating that the charge imposed on the appellant was under s 417 of the PC which did not state the interpretation was erroneous. This was because s 417 of the PC was a I penal provision that created provisions for offence as well as punishment for general cheating crimes. In this case, the appellant was charged with one offence of cheating and this offence was interpreted under s 415 of the PC. The element of 'intention' or mens rea had been included in the interpretation of the crime. Therefore, for an offence of cheating that

already existed under s 415 of the PC, it was sufficient for the prosecution to only state the specific name of the offence without having to repeat the element in the offence, and in this case the element of 'intent'. Moreover, the magistrate was not misguided in his judgment when stating that 'the appellant had with intent'. This was because it was indeed an element that needed to be proven in this case as interpreted in s 415 of the PC (see paras 18–19 & 21–25).

(2) The charge framed against the appellant did not have any defect. It had clearly stated that the offence charged was an offence of cheating and in the charge, it had also clearly stated the act or actus reus allegedly committed by the appellant which was included in the offence of cheating. The appellant also did not suffer any misdirection or prejudice. Thus, the court did not see any meritorious issue revealing any defect on the charge which warranted the court at this stage to set aside the charge against the appellant. The court held that the charge against the appellant had been framed in accordance with the provisions of the law (see paras 22, 26 & 29).

(3) The investigation on the mudah.my website was no longer relevant when the appellant had been clearly proven to have personally met with SP1 through the evidence of SP1 as well as his mother SP2 and SP5. With respect to the prosecution witnesses, the magistrate had found that their evidence was credible, consistent, and supportive of each other. Moreover, there was no argument put forward by the appellant that justified the court to interfere with this finding. The issue regarding the record of RM40,000 paid by SP1 to the appellant could not be disputed simply because the appellant's counsel argued that no investigation was conducted into the validity of SP1's allegations. SP1's evidence was accepted and SP1 also went through the credibility testing process during cross-examination and his credibility was not affected. Even the appellant in his defence evidence admitted receiving money from SP1 (see paras 36–38).

(4) Regarding the existence of Zack, it was no longer relevant when the evidence of SP1 and SP3 were fully evaluated. The appellant's direct discussion with SP1 and the car was purchased on a continue payment basis by the appellant through SP3's evidence were sufficient to prove the elements of the charge against the appellant, especially in relation to the appellant's intention to deceive SP1. The existence of a third party was not able to cast doubt in this case. In addition, the appellant's complaint regarding the fact that the appellant had made a continue payment transaction with Tajfea used car company was inaccurate because evidence had been established that the car was bought by the appellant on the basis of continue payment to the bank and there were still payments in relation to the car which were owed to the bank. SP3 as well as the

owner of the Tajfea company were presented as prosecution witnesses and they were subjected to rigorous scrutiny. The court did not find any issue affecting their evidence which warranted this court to re-evaluate as well as draw a different conclusion from what had been executed by the magistrate (see paras 39–41).

(5) The magistrate had considered the factors that were relevant and in favor of the appellant before concluding that the factors of public interest outweighed the factors in favor of the appellant. The court did not agree that this sentence should be replaced by orders either under s 173A of the Criminal Procedure Code ('the CPC') or s 294 of the CPC. However, the court found that under s 417 of the PC, the punishment provided was in the alternative form of imprisonment or fine, but the magistrate did not consider this alternative before passing sentence of imprisonment (see paras 51, 53–54 & 56).

(6) The appellant should be given consideration on the penalty of fine on the following factors: (a) the offence charged against the appellant was not a serious offense; (b) the appellant was not a 'habitual offender'; (c) one of the effects of the conviction was on the employment of the appellant and this had substantial detrimental effect on the appellant; (d) the appellant and her husband were public servants who have four children and the youngest child of the appellant was four years old; and (e) the subject of this charge, the car was still in the custody of SP1 and the loss suffered was minimal. Based on the above considerations, the court found that the appellant should be given the opportunity to start a new life without requiring the appellant to serve a sentence of imprisonment. The court believed that the punishment of a fine could have the same effect from the aspect of deterrence either to the appellant or to the community (see paras 58–59).]

Kes-kes yang dirujuk

Adhy Tedjajadi v PP [2015] MLJU 771; [2015] 1 LNS 768, MR (dirujuk)
Alandu a/l Santhanasamy v PP [2014] 2 MLJ 508; [2013] 1 LNS 1019, MR (dirujuk)
Badri bin Abas, Re [1971] 1 MLJ 202; [1970] 1 MLRH 144 (dirujuk)
Chan Sit Hoong v PP [1975] 1 MLJ 261; [1974] 1 LNS 19 (dirujuk)
Gabriel v PP [1992] 1 MLJ 593, MT (dirujuk)
Hossain v PP [2008] 7 CLJ 560, MT (dirujuk)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197, MP (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Bazleh Saeid Saleh dan satu lagi [2014] MLRAU, MT (dirujuk)
PP v Dato' Saidin bin Thamby [2012] 3 MLJ 476; [2012] 4 CLJ 15, MR (dirujuk)
PP v Jafa bin Daud [1981] 1 MLJ 315 (dirujuk)
PP v Loo Chang Hock [1988] 1 MLJ 316 (dirujuk)

PP v Maitham K Alwan (Irq) [2018] 4 MLJ 372; [2018] 4 CLJ 342, MR (dirujuk)
PP v Mohamad bin Sabu [2012] 7 MLJ 547, MT (dirujuk)
PP v Sayuti Mohd Ali [2009] 2 MLRH 689, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Karpal Singh a/l Ram Singh [2012] 4 MLJ 443; [2012] 2 MLRA 518, MR (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)
Ravindran a/l Ramasamy v PP [2015] 6 MLJ 509; [2015] 3 CLJ 421, MP (dirujuk)
Rex v Teo Woo Tin [1932] 1 MLJ 124b (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App Rep 164 (diikut)
Thenegaran a/l Murugan & Anor v PP [2013] 2 MLJ 855; [2013] 5 CLJ 850, MR (diikut)
Zaidon bin Shariff V PP [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 39, 52B, 186, 300, 302, 375, 415, 416, 417, 418, 420
Kanun Tatacara Jenayah ss 152(2), 173A, 294

Shaharuddin bin Mohamed (Shaharuddin Hidayu & Marwaliz) bagi pihak perayu.
Norazlinawati bt Mohd Arshad (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak defendan.

Mohamad Abazafree PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah merupakan rayuan perayu ke atas sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas perayu oleh Mahkamah Majistret Kota Bharu. Perayu telah disabitkan bagi satu kesalahan di bawah s 417 Kanun Keseksaan dan telah dijatuhi hukuman penjara selama dua tahun.

[2] Pertuduhan ke atas perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada bulan Oktober 2016 jam lebih kurang 12.30 tengahari bertempat di Lot 100 depan Sekolah Kebangsaan Kota Jembal Binjai, di dalam daerah Kota Bharu, di dalam negeri Kelantan telah didapati menipu Muhamad Amirul Hakim bin Mahyudin No K/P: 930815035599 dengan memperdayakan beliau untuk mempercayai bahawa kamu akan menguruskan pertukaran nama hakmilik pembelian kereta tetapi kamu tidak melaksanakannya. Oleh itu, kamu dengan curangnya telah mendorong Muhamad Amirul Hakim bin Mahyudin untuk menyerahkan wang tunai sebanyak RM40,000.00 kepada kamu yang mana beliau tidak akan menyerahkan wang tersebut sekiranya tidak diperdayakan oleh perkhidmatan yang kamu tawarkan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan

satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 417 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

LATAR BELAKANG KES

[3] Kes ke atas perayu adalah bersandarkan kepada keterangan SP1 yang merupakan Pengadu yang telah melihat satu iklan melalui laman sesawang mudah.com berkenaan penjualan sebuah kereta Toyota Vios pada harga RM42,000. Pada masa tersebut, pengiklan hanya dikenali sebagai Cikgu Z. SP1 selanjutnya telah membuat temujanji dengan Cikgu Z tersebut dan mereka bertemu di rumah SP1 di Lot 100 depan sekolah Kebangsaan Kota Jembal pada 14 October 2021.

[4] Pada tarikh tersebut, perayu telah datang membawa sebuah kereta Toyota Vios bernombor pendaftaran DCC 1177 ('kereta tersebut'). Perayu telah memperkenalkan dirinya sebagai Kak Yati dan memaklumkan bahawa kereta tersebut adalah miliknya. Perayu telah menyerahkan salinan kad pengenalannya dan salinan geran kereta yang menunjukkan namanya dan nama di dalam geran adalah Tuan Nur Hayaty bt Tuan Yusoff. Perayu turut memaklumkan bahawa kereta tersebut telah tiada hutang di bank kerana perayu telah membelinya.

[5] Selepas SP1 berpuas hati dengan ujian pemanduaan ke atas kereta tersebut, SP1 telah membuat bayaran pendahuluan sebanyak RM1,000 dan berjanji akan berjumpa semula di rumahnya pada 16 October 2016. Pada hari tersebut, perayu telah hadir dengan membawa kereta tersebut. SP1 telah membuat bayaran sebanyak RM39,000 sebagai bayaran penuh. Perayu telah berjanji untuk menyelesaikan penukaran hakmilik di dalam tempoh seminggu.

[6] Selepas seminggu, perayu telah menghubungi SP1 dan memaklumkan bahawa pertukaran tidak dapat dilaksanakan kerana perayu sedang menjalani kursus di Kuala Lumpur dan akan melaksanakannya selepas perayu pulang. Walaubagaimanapun, selepas seminggu perayu telah tidak dapat dihubungi dan SP1 telah membuat laporan polis sepetimana P7.

[7] SP1 disamping membuat lapoan polis telah dapat mengesan pemilik sebenar kereta tersebut iaitu Tuan Nur Hayaty bt Tuan Yusoff (SP7) dan dimaklumkan bahawa kereta tersebut telah dijual kepada syarikat Tajfea Galaxy Auto Sdn Bhd kerana SP7 tidak mampu sambung bayar. SP7 turut membuat laporan polis sepertimana di P12. Urusan SP7 dengan syarikat tersebut dibuat oleh SP4 yang telah berurusan dengan wakil syarikat iaitu SP3. Keterangan SP3 menjelaskan bahawa kereta tersebut telah dijual kepada

perayu secara sambung bayar dan kereta tersebut telah diserahkan kepada perayu.

[8] Di peringkat pembelaan, perayu tidak menafikan bertemu dengan SP1 sebanyak dua kali namun perayu mendakwa bahawa SP3 telah menawarkan kepadanya sedikit komisyen sebagai balasan jika perayu membantunya menghantar kereta tersebut kepada SP1. Semasa pertemuan pada kali pertama, perayu menyatakan bahawa bayaran deposit sebanyak RM1,000 telah diserahkan di atas persetujuan di antara SP1 dan SP3.

[9] Selanjutnya perayu menyatakan bahawa SP3 telah memintanya menyerahkan kereta tersebut kepada SP1 dan menerima wang tunai sebanyak RM39,000 yang mana telah diakui oleh perayu diterima dari SP1. Namun wang tersebut telah diserahkan sepenuhnya kepada SP3. Dengan kata yang lain, pembelaan perayu adalah perayu hanya bertindak sebagai orang tengah kepada SP3.

ANALISIS DAN DAPATAN MAHKAMAH BERKAITAN RAYUAN KE ATAS SABITAN

Prinsip rayuan ke atas sabitan

[10] Prinsip undang-undang berkaitan rayuan adalah muktamad sepertimana yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes of *Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 84; [1980] 1 LNS 197 seperti berikut:

> The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the Appeal Court will not interfere unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence of a witness founded on the credibility of such witness.

[11] Manakala Mahkamah Rayuan di dalam kes *Alandu a/l Santhanasamy v Public Prosecutor* [2014] 2 MLJ 508; [2013] 1 LNS 1019, Sultan bin Abu Backer menyatakan seperti berikut:

> It is well settled that it is in the hands of the trier of facts to assess the quality of evidence and to determine whether the evidence on record justifies a conviction. In so doing if the court orders an acquittal or conviction it cannot be set-aside by the appellate court unless it records a finding that the view taken by the trial court was not a possible reasonable view of the evidence on record (see *Pramod Mandal v State of Bihar (SC)* [2004] 4 LRI 24; *Public Prosecutor Thenegaran a/l Murugan* [2013] 3 MLJ 328; [2013] 5 CLJ 850).

Isu pertama: Sama ada pertuduhan ke atas perayu adalah cacat

[12] Isu pertama yang dibangkitkan oleh peguam perayu adalah berkaitan pertuduhan yang dihujahkan oleh perayu sebagai cacat. Hujahan peguam perayu adalah di atas alasan pertuduhan ke atas perayu adalah tidak menyatakan dengan secara jelas intipati kesalahan dan ini mengelirukan perayu. Adalah dihujahkan oleh peguam perayu bahawa di bawah s 417 KK tidak dinyatakan definisi menipu serta elemen-elemen yang perlu dipenuhi dan ianya tertakluk kepada s 415 KK yang menafsirkan kesalahan tipu termasuk intipati 'niat'. Sebaliknya di dalam pertuduhan menyatakan 'didapati menipu'.

[13] Namun majsitret di dalam alasan penghakimannya telah menyatakan perayu disabitkan dengan menyatakan secara spesifik bahawa 'dengan niat telah menipu'. Alasan penghakiman tuan majistret adalah diperturunkan seperti berikut:

> OKT *dengan niat telah menipu* dengan memperdayakan pengadu bahawa pertukaran hakmilik kenderaan akan diuruskan
>
> ...
>
> Di dalam kes ini *niat OKT untuk menipu* SP1 dari awal lagi dapat dilihat daripada kelakuan OKT yang mana telah mengaku kereta tesebut adalah miliknya serta menunjukkan salinan Kad Pengenalan dan geran kereta di atas nama Tuan Nur Hayaty dan membahasakan dirinya sebagai Kak Yati. OKT juga sememangnya dari awal tahu bahawa pertukaran hak milik kereta tersebut tidak dapat dilakukan oleh beliau kerana beliau bukan pemilik sebenar kereta tersebut.

[14] Kegagalan pendakwa raya memasukkan ayat dengan niat bagi peguam perayu terjumlah sebagai satu yang memprejudiskan perayu dan menyanggah prinsip asas liabiliti jenayah yang dikenali sebaga *actus non facit reum, nisi mes sit reas* yang bermaksud sesuatu perbuatan tidak akan menjadikan seseorang terbukti melakukan perbuatan jenayah.

[15] Peguam perayu telah merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Mohamad bin Sabu* [2012] 7 MLJ 547 iaitu satu kes di mana, responden telah dituduh di bawah s 186 KK iaitu satu kesalahan menghalang seorang penjawat awam dari melaksanakan tugas. Zamani Rahim HMT telah mengesahkan keputusan mahkamah sesyen yang membebaskan tertuduh di atas alasan s 186 KK mengkehendaki mens rea diperbuktikan.

[16] Sesuatu pertuduhan adalah penting bagi sesuatu pendakwaan jenayah. Ia merupakan satu yang memulakan tindakan ke atas seseorang tertuduh. Peri pentingnya sesuatu pertuduhan adalah dipertahankan oleh undang-undang kerana ia melibatkan hak-hak seseorang tertuduh apabila berhadapan dengan satu dakwaan perbuatan jenayah. Di dalam kes *Public Prosecutor v Dato' Saidin bin Thamby* [2012] 3 MLJ 476; [2012] 4 CLJ 15, mahkamah telah merujuk kepada buku oleh Mimi Kamariah Majid iaitu *Criminal Procedure in Malaysia*

(3rd Ed) Kuala Lumpur (1999) di dalam mengulas prinsip perundangan berkaitan pertuduhan seperti berikut:

> The charge is the first step in the criminal prosecution process of an offence. It is a definite allegation. When a person is said to be 'charged with an offence', he is in fact called to appear before a magistrate or a judge and informed of the charge or complaint against him. A charge is important to an offender because it evolves several rights for the offender and safeguards against injustice. The charge is also a notice to the offender of the matter with which he is accused of. For this reason it must convey to him with sufficient clearness and certainty that which the prosecution intends to prove against him and of which he will have to clear himself. The charge is an information to the court which is to try the accused of the matters to which evidence is to be directed (*Mohamed Humayoon Shah* [1874] 21 WR Co 72, 82).

[17] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ravindran a/l Ramasamy v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 509; [2015] 3 CLJ 421 telah menggariskan berkaitan peruntukan di bawah Kanun Tatacara Jenayah berkaitan pertuduhan seperti berikut:

> Section 152 of the CPC provides that the charge shall 'state the offence with which the accused is charged' and mention 'the law and section of the law against which the offence is said to have been committed'. Section 153 of the CPC provides that 'the charge shall contain such particulars as to the time and place of the alleged offence ... as are reasonably sufficient to give the accused notice of the matter with which he is charged'. And when the nature of the case is such that the particulars mentioned in ss 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matter with which he is charged, 154 of the CPC provides that 'the charge shall also contain such particulars of the manner in which the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose'

[18] Di dalam kes di hadapan mahkamah kini, perayu dipertuduhkan dengan satu kesalahan menipu dan kesalahan ini telah ditafsirkan di bawah s 415 KK sebagai bermaksud:

> Whoever by deceiving any person, whether or not such deception was the sole or main inducement —
>
> (a) fraudulently or dishonestly induces the person so deceived to deliver any property to any person, or to consent that any person shall retain any property; or
>
> (b) intentionally induces the person so deceived to do or omit to do anything which he would not do or omit to do if he were not so deceived and which act or omission causes or is likely to cause damage or harm to any person in body, mind, reputation, or property,
>
> is said to 'cheat'.

[19] Elemen 'niat' atau mens rea telah terangkum di dalam tafsiran jenayah tersebut.

[20] Persoalannya kini adalah sama ada apabila ianya telah dinyatakan secara spesifik di dalam tafsiran jenayah tersebut, adakah ia kini perlu dinyatakan secara spesifik di dalam pertuduhan. Subseksyen 152(2) KTJ telah menyediakan kaedah bilamana seseorang dipertuduhkan dengan satu kesalahan yang telah terwujud nama spesifik di dalam KK. Ia menyatakan:

> If the law which creates the offence does not give it any specific name so much of the definition of the offence must be stated as to give the accused notice of the matter with which he is charged.

[21] Oleh itu bagi kes ke atas perayu, bagi kesalahan menipu yang telah sedia terwujud di bawah s 415 KK, maka adalah memadai bagi pendakwaan hanya untuk menyatakan nama spesifik kesalahan tersebut tanpa perlu diulangi lagi elemen di dalam kesalahan tersebut, dan bagi kes ini elemen 'niat'. Perkara ini telah diulas oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Thenegaran a/l Murugan & Anor v Public Prosecutor* [2013] 2 MLJ 855; [2013] 5 CLJ 850 yang melibatkan pertuduhan di bawah s 302 KK seperti berikut:

> [33] It has been contended by much vehemence and less conviction that the charge framed against the appellant was defective and did not give a clear and precise picture of the allegation against the appellant. It was submitted that the charge merely stated that the appellant had committed an offence punishable under s 302 of the Penal Code but did not indicate the section of the offence; ie whether it fell within ss 299 or 300 of the Penal Code. In other words, the charge failed to indicate whether the offence was culpable homicide or murder.
>
> [34] With respect, in our opinion, this submission is misconceived. It is not sound in principle or supported by authority.
>
> [35] The purpose of framing a charge is to give to the accused a clear, unambiguous and precise notice of the nature of accusation that the accused is called upon to meet in the course of a trial. (see *VC Shukla v State Through CBI* 1980 AIR 962; 1980 SCR (2) 380; *Jagar Singh v Public Prosecutor* [1936] MLJ 92; [1936] 1 LNS 25; *Public Prosecutor v Margarita B Cruz* [1987] 1 LNS 129; [1988] 1 MLJ 539; *Santosh Kumari v State of Jammu And Kashmir & Ors* [2011] 9 Supreme Court Cases 234 reported in [2012] 2 CLJ 1].
>
> [36] We have no qualms about the general proposition advanced by learned counsel for the appellant that a charge must state the offence which the accused is charged. But how much the definition of the offence should be produced in the charge would depend on whether the offence is known by a specific name in law. In our opinion, in respect of the specific offence of 'murder' punishable under s 302 of the Penal Code, suffice that the charge describes it by the name only. Section 152(2) of the Criminal Procedure Code provides that if the law which creates the offence gives it any specific name, the offence may be described in the charge by that name only.
>
> [37] It is instructive to note that in drafting charges, reference is made only to substantive punishment section and not the definition provision. (see *Rogayah Che*

Mat v Public Prosecutor [2001] 5 MLJ 77; [2001] 1 CLJ 230].

[38] In *Hashim Mat Isa v Public Prosecutor* [1950] 1 LNS 23; [1950] MLJ 94 at 95, per Willan CJ, the word 'intentionally' was added to a charge of murder. In ruling that it is wrong to include the word 'intentionally' in a charge of murder, the court observed that:

> [to] include the word 'intentionally' in a murder charge is unnecessary, and may cause confusion and embarrassment where the prosecution, at some stage of the trial, find they have to rely for instance on the fourth definition of the offence of murder, which entails proof of knowledge, and no intention.

[39] Looking at the charge framed against the appellant, we are not prepared to hold that the omission to mention ss 299 or 300 in the charge had rendered it defective. As advised by the FM Court of Appeal in *Hashim Mat Isa v Public Prosecutor*, the proper form of a murder charge is as set out in the second schedule of the Code. So too in this instant case. The charge proffered against the appellant was conformed to a murder charge as set out in the Second Schedule of the Criminal Procedure Code (Act 593) (Revised 1999).

[22] Mengguna pakai panduan yang dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan ini, mahkamah berpandangan bahawa pertuduhan yang dirangka ke atas perayu tidak mempunyai sebarang kecacatan. Ia telah menyatakan dengan jelas kesalahan yang dipertuduhkan adalah kesalahan tipu dan di dalam pertuduhan juga telah dinyatakan dengan jelas perbuatan atau actus reus yang didakwa dilakukan oleh perayu yang terangkum di dalam kesalahan menipu tersebut.

[23] Mahkamah mendapati bahawa hujahan peguam perayu yang menyatakan bahawa pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah di bawah s 417 KK yang tidak menyatakan taksiran adalah tersasar. Ini kerana s 417 KK adalah merupakan peruntukan penal yang mewujudkan peruntukan kesalahan serta hukuman bagi jenayah tipu yang am. Kesalahan berasas tipu turut wujud di bawah peruntukan lain seperti ss 416 dan 418 KK.

[24] Sepertimana s 375 KK yang menafsirkan jenayah rogol serta s 300 KK yang menafsirkan jenayah bunuh, s 415 KK, dengan secara amnya menafsirkan jenayah 'tipu' dan kesalahan-kesalahan khusus bagi jenayah-jenayah berkaitan 'tipu' diwujudkan secara berasingan di dalam seksyen-seksyen yang terkemudian. Oleh itu, apabila pendakwaan merangka suatu pertuduhan bagi kesalahan 'tipu', pertuduhan tersebut tidak lagi perlu untuk mengulangi apa yang telah dinyatakan di dalam s 415.

[25] Mahkamah juga berpandangan bahawa tuan majistret adalah tidak tersalah arah di dalam pertimbangannya apabila menyatakan bahawa perayu telah dengan niat. Ini kerana ia memang merupakan satu elemen yang perlu dibuktian di dalam kes ini sepertimana yang ditafsirkan di dalam s 415 KK.

A Tindakan tuan majistret ini memenuhi tanggungjawab yang diletakkan kepadanya.

[26] Di dalam masa yang sama, mahkamah turut bersetuju dengan hujahan TPR yang terpelajar bahawa perayu tidak mengalami sebarang salah arah serta diprejudiskan. Ini terjelas dari konsistensi pembelaan perayu sejak dari kes di peringkat pendakwaan lagi. Malahan isu berkaitan pertuduhan ini tidak pernah dibangkitkan peguam perayu semasa perbicaraan pun.

[27] Ini turut disentuh oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Thenegaran a/l Murugan* seperti berikut:

> [40] It is important to note that the complaint about the charge in this instant case was never raised at earlier stage (the High Court) or in his memorandum of appeal. Learned counsel for the appellant was present in court below and participated fully in the trial. Learned counsel did not see anything wrong with the charge and did not complaint at the trial. It was only before this court that this complaint arose. It goes without saying that it is very essence of a counsel duty that he should promptly take objection to every irregularity at the trial, be that an irregularity relating to charge, procedure or to evidence called at the trial. Where, as in this case, he did not object, we take it to mean that he saw nothing wrong with the charge framed against the appellant. (See *RK Dalmia v Delhi Administration,* AIR 1962 SC 1821; *Omprakash v State,* AIR 1960 SC 409; *Tulsi v State,* AIR 1963 SC 666).
>
> [41] The proper function of an appellate court is to correct an error in the judgment or proceedings of the court below and not to adjudicate upon a different kind of dispute that had never been raised before the court below. It is only in exceptional cases that the court may, in its discretion, allow a new point to be raised before it, provided there are good grounds in allowing it to be raised and no prejudice to the opponent. The exceptions are not applicable to the present case.
>
> [42] In *Zulkiflee Mohd Dom v Public Prosecutor* [1997] 4 MLJ 161; [1997] 3 CLJ Supp 290, the accused was charged under s 420 of the Penal Code (Act 574) for the offence of cheating. The particulars of the deception practiced on the complainant were not set out in the charge. On appeal against both conviction and sentence, one of the issues which arose for determination concerned the legality of the charge. Augustine Paul JC (as he then was) held, inter alia, that s 154 of the Code would render such a charge defective if an objection to its non-compliance is taken before the commencement of the trial. The learned JC was also of the view that the s 156 would not invalidate such a charge if the objection is taken during or at the conclusion of the trial in the circumstances mentioned in the section.
>
> [43] We gratefully adopt the decision of the above case.
>
> [44] We have examined carefully the charge which has been framed against the appellant and we cannot perceive that any prejudice has at all been caused to the appellant. The record of appeal contained nothing to show that the appellant was confused, misled or bewildered by the charge.

[28] Kes *Mohammad Sabu* yang dirujuk oleh peguam perayu adalah berbeza

dari kes di hadapan mahkamah. Ini kerana di dalam kes tersebut, KK tidak menyediakan satu tafsiran kesalahan spesifik bagi kesalahan yang dipertuduhkan. Oleh yang demikian, elemen-elemen utama di dalam kesalahan yang dipertuduhkan hendaklah dimasukkan bagi mengelak ianya memprejudis responden di dalam kes tersebut. Seksyen 186 KK yang menjadi asas kepada pertuduhan di dalam kes tersebut memerlukan elemen mens rea dibuktikan melalui pengataan berniat atau mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengetahui sepertimana di dalam s 39 KK, dinyatakan di dalam pertuduhan.

[29] Oleh yang demikian, mahkamah tidak nampak sebarang isu bermerit yang menampakkan sebarang kecacatan ke atas pertuduhan yang mewarankan mahkamah di peringkat ini untuk mengenepikan pertuduhan ke atas perayu. Mahkamah menegaskan bahawa pertuduhan ke atas perayu telah dirangka bersesuaian dengan peruntukan perundangan.

Isu Kedua: Sama ada terdapat kelewaan di dalam siasatan sehingga menyebabkan kelompongan material kes pendakwaan

[30] Selanjutnya peguam perayu menghujahkan bahawa di dalam kes ini terdapat kelewaan di dalam penyiasatan yang telah dilakukan oleh pegawai penyiasat iaitu SP10 dan ini dihujahkan sebagai mewujudkan kelompongan material ke atas kes pendakwaan. Pandangan mahkamah telah dibawa kepada beberapa aspek di dalam siasatan seperti berikut:

(a) mengenai iklan pada laman web mudah.my yang menjadi permulaan ke atas pertuduhan ini;

(b) kewujudan Cikgu Zack;

(c) pemilik nombor telefon pada iklan mudah.my;

(d) perbezaan barang kes iaitu P1 dan P6 yang diiklankan;

(e) sama ada perayu ada membuat urusan sambung bayar bagi kereta tersebut;

(f) sama RM40,000 telah benar-benar diserahkan kepada perayu; dan

(g) pengesahan ke atas kenyataan SP1 dan SP3.

[31] Peranan seseorang pegawai penyiasat serta siasatan yang dilakukan olehnya di dalam sesuatu pendakwaan jenayah adalah sangat penting. Keterangan-keterangan yang dikemukakan di hapadan mahkamah kebanyakannya bersandarkan kepada kemampuan seseorang pegawai penyiasat di dalam mendapatkan, mengumpul dan mengemukakannya kepada mahkamah perbicaraan untuk dipertimbangkan (rujuk: *Public Prosecutor v Sayuti Mohd Ali* [2009] 2 MLRH 689).

[32] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Adhy Tedjajadi v Public Prosecutor* [2015] MLJU 771; [2015] 1 LNS 768 telah menggariskan makna yang mudah dan lengkap sebagai panduan apa yang dimaksudkan sebagai penyiasatan seperti berikut:

> Doing an investigation ia a process that involves considerable judgement calls to be made by investigator. It is dictated by the appreciation of whether enough evidence has been obtained to legally constitute the offence that was being investigated into.

[33] Secara amnya walaupun pegawai penyiasat mempunyai tugas yang besar di dalam pengumpulan keterangan, namun bagi membuktikan sesuatu kesalahan telah dilakukan, ianya tertakluk kepada kecukupan keterangan. Keterangan-keterangan ini akan kemudiannya dipersembahkan kepada sesuatu mahkamah perbicaraan dan tugas selanjutnya adalah ke atas mahkamah tersebut yang semestinya bukan untuk menilai tahap siasatan yang dilakukan. Sebaliknya tugas mahkamah yang besar adalah untuk menilai setiap keterangan yang dikemukakan dan menentukan sama ada keterangan-keterangan yang dikemukakan adalah berkredibel bagi menyokong elemen-elemen bagi jenayah yang dipertuduhkan (rujuk: *Pendakwa Raya lwn Karpal Singh a/l Ram Singh* [2012] 4 MLJ 443; [2012] 2 MLRA 518).

[34] Mahkamah berpandangan bahawa adalah tidak adil bagi sesuatu mahkamah perbicaraan untuk merumuskan satu dapatan tidak bersalah di dalam sesuatu kes yang telah disokong oleh keterangan-keterangan yang berwibawa, hanya semata-mata terdapat beberapa aspek di dalam siasatan yang dihujahkan sebagai tidak lengkap. Perspektif serta nilaian setiap orang adalah berbeza dan tidak dapat ditentukan secara tetap. Mahkamahlah yang berperanan untuk menilai secara objektif setiap keterangan dan memutuskan secara kehakiman dan adil sama ada ia menyokong sesuatu kes sama ada di peringkat prima facie ataupun di peringkat melampaui sebarang keraguan yang munasabah.

[35] Di dalam rayuan ini, sebagai contohnya, peguam perayu di dalam kes ini bersandarkan kepada keputusan Mahkamah Tinggi di dalam kes *Pendakwa Raya lwn Bazleh Saeid Saleh dan satu lagi* [2014] MLRAU berkaitan kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan telefon-telefon bimbit serta komponennya terutama sim card. Ini telah diputuskan oleh mahkamah telah menimbulkan inferens yang bertentangan kepada kes pihak pendakwaan. Namun isu berkaitan ketiadaan siasatan ke atas kad sim telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan sebagai menjejaskan kes pendakwaan. Ini disentuh oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Public Prosecutor v Maitham K Alwan (Irq)* [2018] 4 MLJ 372; [2018] 4 CLJ 342 seperti berikut:

> In holding the issue on non-investigation of the sim card in favour of the respondent, the learned trial judge relied on two earlier judgments decided by this

court in the case of *Ghasem Gharezadehsharbiani Hassan v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 433; [2014] 1 LNS 752 and *Emeka Promise v Public Prosecutor* [2015] MLJU 2314; [2015] 3 CLJ 916. We had been updated by the learned deputy that these two earlier decisions had been overruled by the Federal Court on 5 January 2015 and 4 September 2015 respectively. Therefore, the two decisions cited and relied by the learned trial judge was no longer a good law. Wherefore, we have to agree that there is merit in the learned deputy's complaint with regard to the third issue.

[36] Berbalik kepada aspek-aspek yang dirujuk oleh peguam perayu, mahkamah mendapati pertamanya berkaitan siasatan ke atas laman web mudah.my, adalah tidak lagi menjadi relevan apabila perayu dibuktikan secara jelas hadir secara kendiri berjumpa dengan SP1 melalui keterangan SP1 serta ibunya SP2 dan SP5. Semuanya bermula pada saat perayu bertemu dengan SP1 dan menjanjikan perkara-perkara yang menjadi subjek kepada pertuduhan kes ini. Ini pada hemat mahkamah memadai dan siasatan lanjut berkenaan kandungan iklan di dalam laman web tersebut beserta dengan nombor telefon di dalamnya dan perbezaan P1 serta P6 di dalam iklan, walaupun relevan, tidak menjejaskan keterangan-keterangan yang lain.

[37] Tuan majistret yang bijaksana di dalam kes ini telah menilai kredibiliti saksi pendakwaan dan dengan secara tuntasnya memutuskan bahawa tiada sebab bagi tuan majistret untuk tidak mempercayai keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan terutamaya SP1, SP2 dan SP5 kerana keterangan mereka adalah dirumuskan sebagai kredibel, konsisten dan menyokong antara satu sama lain. Tiada hujahan yang dikemukakan oleh peguam perayu di peringkat ini yang mewajarkan mahkamah untuk mengganggu dapatan ini.

[38] Selanjutnya Mahkamah ini berpandangan bahawa isu berkenaan rekod berkenaan wang sebanyak RM40,000 yang telah dibayar oleh SP1 kepada perayu tidak boleh disanggah hanya kerana peguam perayu menghujahkan bahawa siasatan tidak dilakukan ke atas kesahihan dakwaan SP1. Keterangan SP1 adalah diterima dan SP1 juga melalui proses ujian kredibiliti semasa disoal balas dan kredibilitinya tidak terjejas. Malahan perayu semasa keterangan pembelaannya mengakui menerima wang daripada SP1.

[39] Berkaitan kewujudan penama Zack yang turut menjadi pembelaan kepada perayu, mahkamah ini berpandangan bahawa ianya tidak lagi relevan apabila keterangan SP1 dan SP3 dinilai secara sepenuhnya. Perbincangan secara langsung perayu dengan SP1 serta kereta tersebut telah dibeli secara sambung bayar oleh perayu melalui keterangan SP3, bagi mahkamah adalah memadai bagi membuktikan elemen pertuduhan ke atas perayu terutamanya berkaitan niat perayu untuk menipu SP1. Kewujudan pihak ketiga tidak mampu untuk menimbulkan keraguan ke atas kes ini sepertimana rujukan-rujukan kes oleh peguam di dalam kes-kes yang melibatkan jenayah

pemilikan atau pengedaran dadah. Ini kerana di dalam kes-kes yang dirujuk, ia adalah melibatkan elemen pemilikan yang menjadi tonggak kepada pertuduhan. Sebaliknya, di dalam kes ini, perbuatan perayu adalah penyumbang utama kepada pertuduhan ke atasnya bagi elemen penipuan.

[40] Sisi terakhir siasatan yang menjadi aduan peguam perayu adalah berkaitan fakta bahawa perayu ada membuat urusan sambung bayar kereta dengan syarikat kereta terpakai Tajfea. Mahkamah berpandangan bahawa ini adalah tidak tepat. Ini kerana keterangan telah dibuktikan bahawa kereta tersebut dibeli oleh perayu secara sambung bayar di bank dan kereta tersebut masih lagi mempunyai hutang di bank. Ini memadai bagi menjawab persoalan sama ada bayaran telah dibuat kepada syarikat dan tidak memerlukan siasatan yang begitu sukar.

[41] SP3 serta tuan punya syarikat Tajfea iaitu SP10 telah dikemukakan sebagai saksi-saksi pendakwaan dan mereka tertakluk kepada pemeriksaan secara ketat. Mahkamah tidak mendapati sebarang isu yang menjejaskan keterangan mereka yang mewajarkan mahkamah ini menilai semula serta membuat rumusan yang berlainan dari apa yang telah dilaksanakan oelh tuan majistret.

Kesimpulan (rayuan ke atas sabitan)

[42] Oleh yang demikian, bagi maksud rayuan ke atas sabitan, mahkamah ini tidak mendapati sebarang isu bermerit bagi mahkamah ini untuk campurtangan dan mahkamah dengan ini menolak rayuan ke atas sabitan serta mengekalkan keputusan tuan majistret.

Analisis dan dapatan mahkamah berkaitan rayuan ke atas hukuman prinsip perundangan berkaitan rayuan ke atas hukuman

[43] Adalah menjadi satu prinsip mantap bahawa mahkamah di peringkat rayuan adalah perlahan di dalam mengganggu keputusan mahkamah majistret berkaitan hukuman. Ini telah dijelaskan di dalam kes *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 seperti berikut:

> The principles to be applied in imposing sentence however are the same in every case. The High Court sitting in exercise if its revisionary powers will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence of the lower court is either manifestly inadequate or grossly excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed on the record or to all the facts which the court ought to take judicial notice of, that is to say, that the lower court clearly has erred in applying the correct principles in the assessment of the sentence. It is a firmly established practice that the court will not alter a sentence merely because it might have passed a different sentence.

Sama ada hukuman ke atas perayu adalah terlalu berat

[44] Peguam perayu menghujahkan bahawa tuan majistret yang bijaksana telah tidak mempertimbangkan fakta bahawa perayu adalah seorang penjawat awam dan tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan lampau yang mewajarkan perayu hanya dikenakan perintah sama ada di bawah s 294 KTJ ataupun s 173A KTJ (rujuk: *Re Badri bin Abas* [1971] 1 MLJ 202; [1970] 1 MLRH 144).

[45] Tuan majistret di dalam penghakimannya telah menyatakan seperti berikut:

> ALASAN TERHADAP HUKUMAN
>
> Mahkamah ini telah menjatuhkan hukuman penjara 2 tahun ke atas OKT.
>
> Dalam menjatuhkan hukuman tersebut Mahkamah ini telah mengambil kira faktor mitigasi yang dihujahkan, antara lain, OKT tidak pernah disabitkan dengan apa-apa kesalahan, OKT seorang Guru, telah berkahwin dan mempunyai 4 orang anak.
>
> Mahkamah juga telah mengambil kira kerugian yang dialami oleh pengadu sebanyak RM40,000 yang merupakan satu jumlah yang besar.
>
> Faktor kepentingan awam juga telah d iambil kira di mana kesalahan menipu semakin meningkat dari hari ke hari di Negeri Kelantan khasnya dan semestinya kepentingan awam mengatasi kepentingan individu dalam membendung jenayah seumpama ini.
>
> Selain itu, Mahkamah juga mengambil kira kes ini telah melalui satu perbicaraan penuh dan mengambil kira masa yang agak lama untuk dihabiskan dengan 10 orang saksi telah memberikan keterangan di peringkat kes pendakwaan.
>
> Oleh yang demikian berdasarkan alasan-alasan tersebut Mahkamah berpendapat hukuman yang diberikan adalah wajar, adil dan mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

[46] Secara amnya tuan majistret mengambil kira bahawa kesalahan ini adalah kesalahan kali pertama perayu dan perayu juga adalah merupakan seorang penjawat awam yang bertugas sebagai seorang guru. Bagi mempertimbangkan kewajaran bagi suatu perintah di bawah s 294 KTJ aaupun s 173A KTJ, diperturunkan peruntukan-peruntukan tersebut:

> S 173A
>
> (1) Notwithstanding anything contained in section 173, the Court shall have the powers contained in this section.
>
> (2) When any person is charged before the Court with an offence punishable by such Court, and the Court finds that the charge is proved, but is of opinion that, having regard to the character, antecedents, age, health or mental condition of the person charged, or to the trivial nature of the

offence, or to the extenuating circumstances under which the offence was committed, it is inexpedient to inflict any punishment or any other than a nominal punishment or that it is expedient to release the offender on probation, the Court may, without proceeding to record a conviction, make an order either —

(a) dismissing the charge or complaint after an admonition or a caution to the offender as the Court seems fit; or

(b) discharge the offender conditionally on his entering into a bond with or without sureties, to be of good behaviour and to appear for the conviction to be recorded and for sentence when called upon at any time during such period, not exceeding three years, as may be specified in the order.

(3) The Court may, in addition to any such order, order the offender to pay compensation for injury or for loss (not exceeding the sum of fifty ringgit) or to pay the costs of the proceedings as the Court thinks reasonable or to pay both compensation and costs.

(4) An order under this section shall for the purpose of revesting or restoring stolen property, and of enabling the Court to make such order as to the restitution or delivery of property to the owner and as to the payment of money upon or in connection with the restitution or delivery, have the like effect as a conviction for an offence committed in respect of such property.

(5) If the Court is satisfied by information on oath that the offender has failed to observe any of the conditions of his bond, it may issue a warrant for his apprehension.

(6) Any offender when apprehended on any such warrant shall, if not immediately brought before the Court having power to sentence him, be brought before a Magistrate who may —

(a) either remand him by warrant until the time at which he is required by his bond to appear for judgment or until the sitting of a Court having power to deal with his original offence whichever shall first happen; or

(b) admit him to bail with a sufficient surety conditioned on his appearing for judgment.

(7) The offender when so remanded may be committed to prison and the warrant of remand shall order that he shall be brought before the Court before which he was bound to appear for judgment or to answer as to his conduct since his release.

(8) This section shall not apply —

(a) if the offender is charged with a serious offence; or

(b) if the offender is charged with the commission of an act of domestic violence as defined under section 2 of the Domestic Violence Act 1994 [Act 521].

Seksyen 294:

(1) When any person has been convicted of any offence before any Court if it appears to the Court that regard being had to the character, antecedents, age, health or mental condition of the offender or to the trivial nature of the offence or to any extenuating circumstances under which the offence was committed it is expedient that the offender be released on probation of good conduct, the Court may, instead of sentencing him at once to any punishment, direct that he be released on his entering into a bond with or without sureties and during such period as the Court may direct to appear and receive judgment if and when called upon and in the meantime to keep the peace and be of good behaviour.

(2) The Court may, if it thinks fit, direct that the offender shall pay the costs of the prosecution or some portion of the same within that period and by such instalments as may be directed by the Court.

Section 432 shall be applicable to any direction made under this subsection.

(3) If a Court having power to deal with the offender in respect of his original offence, or any Court of summary jurisdiction, is satisfied by information on oath that the offender has failed to observe any of the conditions of his bond, it may issue a warrant for his apprehension.

(4) Any offender when apprehended on any such warrant shall, if not immediately brought before the Court having power to sentence him, be brought before a Magistrate, and the Magistrate may either remand him by warrant until the time at which he is required by his bond to appear for judgment or until the sitting of a Court having power to deal with his original offence, or may admit him to bail with a sufficient surety conditioned on his appearing for judgment.

(5) The offender, when so remanded, may be committed to prison and the warrant of remand shall order that he be brought before the Court before which he was bound to appear for judgment or to answer as to his conduct since his release.

(6) This section shall not apply —

(a) if the offender is charged with a serious offence; or

(b) If the offender is charged with the commission of an act of domestic violence as defined under section 2 of the Domestic Violence Act 1994.

[47] Bagi mengenakan perintah-perintah tersebut, mahkamah perbicaraan perlu memberi perhatian antara lain kepada kelakuan, rekod terdahulu, umur, kesihatan atau keadaan akal seseorang tertuduh, sama ada kesalahan tersebut adalah kesalahan kecil atau keadaan yang meringankan di bawah mana-mana kesalahan tersebut dilakukan (rujuk: *Public Prosecutor v Jafa bin Daud* [1981] 1 MLJ 315 dan *Zaidon bin Shariff V Public Prosecutor* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441).

A **[48]** Peguam perayu menghujahkan bahawa di dalam kes perayu ianya tercakup di dalam keadaan-keadaan yang mewajarkan mahkamah perbicaraan untuk menimbangkan perintah-perintah di bawah kedua-dua seksyen dan bukannya mengenakan hukuman penjara.

B **[49]** TPR yang terpelajar sebaliknya menghujahkan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh tuan majistret ini tidaklah keterlaluan jika mahkamah mengambil kira bahawa ini adalah kes yang melibatkan perbicaraan penuh dan kepentingan awam adalah mengatasi kepentingan perayu.

C **[50]** Adalah menjadi satu prinsip yang mantap bahawa kepentingan awam adalah menjadi aspek utama di dalam mempertimbang hukuman yang setimpal ke atas mana-mana pelaku jenayah. Ini telah diungkapkan dengan kerap di dalam beberapa keputusan duluan dan sering menjadi rujukan dan ikutan. Antara yang wajar untuk mahkamah ini ulangi adalah kata-kata
D Hilbery J di dalam *R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164 seperti berikut:

> In deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope
E of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served, and best served, if the offender
F is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not, therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and duty to decide
G whether to be lenient or severe.

[51] Berpandukan kepada prinsip kukuh ini, mahkamah ini tidak nampak kewajaran di dalam kes ini untuk mengecualikan mahkamah dari prinsip ini. Tuan majistret yang bijaksana telah menimbangkan faktor-faktor yang relevan
H dan memihak kepada perayu sebelum merumuskan bahawa faktor kepentingan awam mengatasi faktor yang memihak kepada perayu.

[52] Mahkamah di peringkat ini adalah perlahan di dalam mengganggu dapatan mahkamah yang membicarakan kesalahan ini dan tidak sewajarnya
I menggantikan hukuman hanya semata-mata kerana mahkamah kini berpandangan hukuman yang dijatuhkan adalah terlampau.

[53] Dengan kata-kata yang lebih mudah, mahkamah tidak dapat bersetuju dengan peguam yang terpelajar bahawa hukuman ini wajar digantikan dengan

perintah-perintah sama ada di bawah s 173A KTJ mahupun s 294 KTJ.

[54] Walau bagaimanapun mahkamah mendapati bahawa di bawah s 417 KK, hukuman yang diperuntukkan adalah hukuman di dalam bentuk alternatif iaitu sama ada hukuman penjara yang tidak melebihi lima tahun atau denda atau kedua-duanya. Mahkamah adalah senada dengan peguam perayu bahawa hukuman pemenjaraan adalah bukan mandatori dan jenayah yang dilakukan oleh perayu bukanlah jenayah yang serius dalam ertikata s 52B KK dan tidak melibatkan jenayah kekerasan.

[55] Semasa di peringkat mitigasi di hadapan tuan majistret, peguam perayu telah menghujahkan dan memohon agar perayu dikenakan hukuman denda sahaja memandangkan kepada faktor seorang penjawat awam yang bertugas sebagai seorang guru.

[56] Mahkamah mendapati bahawa tuan majistret tidak memberikan pertimbangan kepada alternatif yang diberikan oleh KK sebelum menjatuhkan hukuman pemenjaraan. Di dalam kes *Hossain v Public Prosecutor* [2008] 7 CLJ 560, Mahkamah Tinggi telah menyentuh mengenai hukuman yang sesuai dijatuhkan kepada perayu samada denda atau pemenjaraan apabila peruntukan hukuman menyediakan alternatif seperti berikut:

> [11] ... To decide the fate of the appeal, I must consider whether on the facts of the case a fine should be appropriate as an alternative to custodial sentence.
>
> [12] When parliament prescribes fine or custodial sentence there is a requirement first to consider whether a fine will be appropriate [see *Leong Kok Huat v Public Prosecutor* [1998] 4 CLJ 106). The principles and law relating to fine can be summarised as follows:
>
> (i) Any sentence, in particular fine, when imposed must be reflective of the nature and seriousness of the offence, the character and conduct of the accused, the degree of mens rea, and the financial means of the accused (see *Abu Bakar bin Alif R* [1953] MLJ 19).
>
> (ii) It is a cardinal rule that fine should not be excessive and should not have leave an impression with the accused that he is being persecuted (see *Kaneez Fatima AIR* [1953] Hyd 155).
>
> (iii) The imposition of a small fine on a rich and influential person or of a heavy fine on a man who has no means is not justified. In *R v Markwick* [1953] 37 Cr App R 125, Lord Goddard CJ opined: 'persons of means should not be given the opportunity of buying their way out of prison'.
>
> (iv) If the offence is not a gravity to justify imprisonment, the offender should not lose his liberty merely because he is too poor to pay a substantial fine (See *R v Reeves* [1972] 56 Cr App R 366; *R v Hanbury* [1980] Crim LR 63).
>
> (v) Where the offence allows for a fine or imprisonment or both, it is lawful to

A combine a fine and imprisonment (See *RV Fairbarin* [1981] Crim LR 190) ...

[57] Seterusnya dalam kes *Chan Sit Hoong v Public Prosecutor* [1975] 1 MLJ 261; [1974] 1 LNS 19, Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan perayu dan menggantikan hukuman pemenjaraan kepada hukuman denda dan menyatakan:

> In the present appeal before me the appellant was a first offender and had a wife and five children to support. He was a frail looking sick man of humble means and appeared much older than his 38 years. He had shown some remorse by unhesitatingly pleading guilty to the offence charged on the very day that he was called upon to make his plea in court. Also, there was the humiliation, to him and to his family, of having been arrested and charged in court and conviction recorded against him. In all the circumstances of this case, therefore, I was of the view that the sentence of imprisonment on the appellant was unduly harsh. This was his first offence. Sending him to prison where he would have mixed with other prisoners convicted of all sorts of offences might well have produced an adverse effect on the appellant and instead of coming out of the prison a better man he might well have developed more criminal and antisocial tendencies. The public interest, as Hilbery J said in the case of *R v Ball* supra, may be best served if the offender is turned from criminal ways to honest living. Treating the appellant leniently in the circumstances of this case and thus giving him a chance to turn away from crime was certainly not against but very much in the public interest.

[58] Di dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa perayu wajar diberi pertimbangan ke atas hukuman denda di atas faktor-faktor berikut:

(a) kesalahan yang dipertuduhkan ke atas perayu bukanlah dari kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah serius. Ia tidak melibatkan sebarang unsur keganasan namun lebih merupakan kesalahan komersial bagi satu keuntungan berbentuk kewangan;

(b) perayu juga bukanlah dari kalangan yang dikategorikan sebagai 'habitual offender' kerana ini adalah kes pertama perayu. Ia juga hanya melibatkan seorang mangsa sahaja iaitu SP1 atau dalam erti kata yang lain, ia tidak melibatkan khalayak yang ramai;

(c) salah satu kesan sabitan adalah ke atas pekerjaan perayu dan ini juga telah memberi kesan deteran yang besar kepada perayu (rujuk: buku *Criminal Procedure in Malaysia* (3rd Ed) Kuala Lumpur (1999)' oleh Mimi Kamariah Majid);

(d) perayu adalah merupakan seorang penjawat awam yang berkhidmat sebagai seorang guru dan ini adalah merupakan kesalahan kali pertama perayu. Perayu juga adalah seorang isteri yang mempunyai empat cahaya mata dan suami perayu adalah seorang penjawat awam. Anak

bongsu perayu juga adalah masih kecil yang berusia baru empat tahun semasa hukuman dijatuhkan kepadanya; dan

(e) subjek kepada pertuduhan ini iaitu kereta tersebut masih berada di dalam jagaan SP1 dan kerugian yang dialami adalah minima (rujuk: *Gabriel v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 593). Walau bagaimanapun, perayu masih menikmati hasil kepada penipuan tersebut yang berjumlah RM40,000 (rujuk: *Public Prosecutor v Loo Chang Hock* [1988] 1 MLJ 316).

[59] Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan di atas, mahkamah perbandangan bahawa perayu wajar diberi peluang untuk memulakan kehidupan yang baru tanpa memerlukan perayu menjalani hukuman pemenjaraan. Mahkamah percaya hukuman denda boleh memberi kesan yang sama dari aspek deteran sama ada kepada perayu mahupun kepada masyarakat.

Kesimpulan (rayuan ke atas hukuman)

[60] Oleh yang demikian, mahkamah berpandangan bahawa bagi kes ini, hukuman pemenjaraan selama dua tahun adalah suatu yang agak keras. Di atas pertimbangan ini, Mahkamah dengan ini mengenepikan hukuman yang telah dijatuhkan oleh tuan majistret yang bijaksana dan menggantikannya dengan hukuman denda sebanyak RM20,000 jika tidak bayar tiga bulan penjara.

[61] Di dalam mempertimbangkan jumlah denda ini, mahkamah berpandukan kepada panduan yang dilaksanakan oleh Mahkamah Agung ketika itu melalui penghakiman oleh Murison CJ di dalam kes *Rex v Teo Woo Tin* [1932] 1 MLJ 124b.

KESIMPULAN

[62] Secara keseluruhannya mahkamah merumuskan bahawa rayuan perayu ke atas sabitan adalah ditolak manakala rayuan perayu ke atas hukuman adalah dibenarkan dan digantikan dengan hukuman denda sebanyak RM20,000 jika tidak bayar tiga bulan penjara sepertimana yang dinyatakan di atas.

Rayuan perayu ke atas sabitan ditolak; rayuan perayu ke atas hukuman dibenarkan; hukuman oleh majistret digantikan dengan hukuman denda sebanyak RM20,000 jika tidak bayar tiga bulan penjara.

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar